



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	29/09/2012

Dr. Mahathir terima anugerah Habitat-Rafik Hariri PBB 2012



NEW YORK 28 Sept. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) tiba di sini untuk menerima anugerah Habitat-Rafik Hariri Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2012, yang dijangka disampaikan pada Jumaat.

Beliau diiringi isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Dr. Mahathir, 87, dinamakan pemenang anugerah itu pada Jun lepas oleh jawatankuasa pemandu anugerah bagi mengiktiraf kepimpinan, negarawan dan tadbir urus yang baik.

Anugerah itu dinamakan sempena bekas Perdana Menteri Lubnan, Allahyarham Rafik Hariri, ditubuhkan oleh keluarga Hariri dan inisiatif bersama Habitat PBB melalui Ya-

yan Rafik Hariri pada Mac 2009.

Anugerah dibuka kepada individu, organisasi atau institusi seluruh dunia di atas pencapaian dalam bidang kepimpinan, negarawan, tadbir urus yang baik; pembinaan dan pembinaan semula penempatan dan komuniti, pembangunan sumber manusia; dan aktiviti kebajikan memerangi kemiskinan bandar dan pelaksanaan Agenda Habitat.

Pemenang anugerah sebelum ini ialah Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan.

Nazek Rafik Hariri, balu Rafik Hariri dan Presiden Yayasan Rafik Hariri semasa pengumuman pemenang anugerah itu berkata, suami beliau sangat mengagumi pencapaian Dr. Mahathir.

"Perhubungan mereka berdasarkan kepentingan bersama membina keyakinan dan kejayaan ekonomi untuk negara masing-masing," katanya.

Bekas Perdana Menteri Lubnan itu telah beberapa kali melawat Malaysia sewaktu pemerintahan Dr. Mahathir. Pada September 2004, Allahyarham yang memerintah selama lima kali, mendapat pengiktirafan Habitat Award Scroll of Honour, anugerah tertinggi PBB dalam pembangunan penempatan.

Penasihat Saintifik Habitat PBB, Prof. Banji Oyelaran-Oyeyinka bercakap bagi pihak jawatankuasa pemandu telah menggambarkan Dr. Mahathir sebagai, 'Seorang individu luar biasa yang melakukan perkara luar biasa untuk negaranya'.

"Malaysia sedang mara ke arah pembangunan ekonomi yang pesat ketika zaman (kepimpinan) Dr. Mahathir. Ia diiktiraf bahawa beliau jelas mempengaruhi semua negara membangun lain akan kemungkinan untuk membangun secara pesat dalam tempoh yang singkat," katanya.

Pengerusi Juri Antarabangsa Merivat Tallawy berkata: "Pendapatan per kapita Malaysia semasa beliau (Dr. Mahathir) memerintah meningkat lapan kali ganda, model pemikiran untuk keluar daripada masalah atau krisis hampir sama seperti Perdana Menteri Rafik Hariri".

Kenyataan Habitat PBB yang dikeluarkan semasa pengumuman itu menganggap Dr. Mahathir berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara

yang melalui proses pemodenan dan kemajuan ekonomi yang pantas.

"Beliau (Dr. Mahathir) adalah seorang tokoh politik yang berpengaruh dan berjaya memenangi lima kali berturut-turut pilihan raya umum dan kekal sebagai tokoh politik yang aktif selepas bersara," menurut kenyataan itu.

Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah tiba di sini, pada Khamis untuk lawatan rasmi empat hari ke Amerika Syarikat (AS).

Dr. Mahathir dijangka bertemu pelajar Malaysia dari New York, New Jersey, Connecticut dan Pennsylvania pada Sabtu, manakala Dr. Siti Hasmah akan bertemu isteri-isteri kepada perwakilan tetap ke PBB di sini. -- BERNAMA